

15/10/1999

Stewart puji usaha Dr Mahathir bawa saingan F1 ke Malaysia

BEKAS juara Formula Satu dunia, Jackie Stewart, memuji Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana berjaya membawa perlumbaan F1 ke Malaysia.

Dia juga kagum dengan pengetahuan mendalam Perdana Menteri terhadap sukan paling berprestij itu.

Stewart yang dikenali sebagai 'The Flying Scot' berkata Grand Prix F1 Malaysia Petronas akan lebih menonjolkan rantau Asia Pasifik sebagai tempat bagi kejohanan itu berbanding kebanyakan pusingan lain di negara Barat.

"Sepanjang pertemuan selama 20 minit bersama Perdana Menteri yang berlanjutan sehingga kira-kira satu setengah jam, saya terpujau dengan pengetahuan beliau yang luas mengenai F1 dan kesungguhan beliau membawa kejohanan itu ke Malaysia," katanya.

Stewart berkata Dr Mahathir berpendapat dengan menjadi tuan rumah kepada perlumbaan itu, Malaysia mampu menarik penonton antarabangsa pada masa idea itu tidak langsung terlintas di fikiran orang lain.

Pengerusi eksekutif pasukan Stewart Ford itu berkata demikian ketika majlis jamuan anjuran HSBC Bank Malaysia Bhd bagi meraikan dua pelumba pasukan itu, Johnny Herbert dan Rubens Barrichello.

Kumpulan HSBC Holdings plc adalah kumpulan bukan teknikal terbesar yang menaja pasukan F1.

Stewart yang memenangi kejuaraan F1 sebanyak tiga kali pada 1969, 1971 dan 1973, menyertai 99 perlumbaan Grand Prix dan mencatat 27 kemenangan.

Tawaran Malaysia menjadi tuan rumah F1 bermula dengan penajaan Petronas bagi pasukan Sauber dari Switzerland tiga tahun lalu.

Malaysia memenangi tawaran itu berikutan perbincangan Dr Mahathir dengan Presiden Persatuan Pengeluar F1 (FOCA), Bernie Ecclestone, di Lisbon, Portugal pada September 1996.

Selepas perbincangan itu, Malaysia mula membina sirkit Sepang yang canggih bernilai RM286 juta, sepanjang 5.542 km dan dianggap terbaik di dunia.

Sementara itu, pasukan Stewart Ford yang kini berada di tempat kelima senarai pendahulu pengeluar kereta F1, berharap dapat menduduki tempat keempat keseluruhan dengan memenangi baki perlumbaan di Malaysia dan Jepun.

Stewart berkata jika Herbert dan Barrichello menaiki podium pemenang di Sepang dan Suzuka, pasukannya boleh memintas pasukan Williams ke tempat kelima.

Herbert memenangi GP Eropah di Nuerburgring tiga minggu lalu manakala Barrichello di tempat ketiga.

"Kami begitu optimistik akan berjaya tahun depan," katanya sambil menambah pasukannya akan memuncak pada tahun keempat atau kelima pada 2000 atau 2001.

Pasukan Stewart Ford akan dikenali sebagai Jaguar Racing tahun depan, mengambil sempena nama Jaguar, syarikat pengeluar kereta sport dan mewah milik Ford Motor Company.

(END)